




Apakah Degenerasi Makula Berkaitan Umur (AMD) ?

Degenerasi Makula Berkaitan Umur (AMD) adalah penyakit mata yang biasanya berlaku selepas usia 50 tahun. Ia merosakkan makula perlahan-lahan (bahagian tengah retina) yang mempengaruhi penglihatan pusat. Ini boleh menyebabkan kesukaran mengenali wajah, membaca dan menonton televisyen.




Apakah simptom AMD ?

Simptom yang paling biasa adalah:

- **Kehilangan** penglihatan pusat
- **Penglihatan** kabur
- **Garis lurus kelihatan bengkok** atau bergelombang
- **Objek kelihatan lebih kecil** daripada saiz yang sebenar
- Warna kelihatan lebih **pudar**

Apakah faktor risiko AMD ?



Apakah jenis-jenis AMD ?

2 jenis, iaitu basah dan kering:

AMD basah berlaku apabila saluran darah yang tidak normal dari bawah retina mula tumbuh di makula. Saluran darah baru ini rapuh dan sering mengeluarkan darah dan cecair. Mata pesakit AMD boleh kehilangan penglihatan pusat secara tiba-tiba atau cepat.


AMD kering berlaku apabila sel-sel sensitif cahaya di makula semakin rosak, secara tidak langsung menyebabkan penglihatan pusat kabur pada mata yang terkena. Apabila AMD kering semakin teruk, anda mungkin merasakan bahagian tengah penglihatan kabur. Ini kerana apabila fungsi macula semakin merosot, penglihatan pusat secara perlahan-lahan hilang pada mata yang terkena. Pesakit dengan AMD kering lebih berisiko tinggi mendapat AMD basah.

Apakah pilihan rawatan yang tersedia untuk AMD ?

AMD basah

Rawatan biasa adalah suntikan intravitreal (ke dalam mata anda) dengan ubatan yang dipanggil agen anti-VEGF. VEGF adalah faktor pertumbuhan utama yang menyebabkan AMD. Terdapat beberapa jenis ubat yang menghalang tindakan VEGF. Kesukaran utama agen ini adalah pesakit AMD itu sendiri, kerana pesakit memerlukan suntikan setiap 1 atau 2 bulan, sehingga 1 tahun. Suntikan intravitreal secara amnya selamat, dan kebanyakan pesakit tidak sakit semasa prosedur yang singkat.


Pesakit yang mengalami pendarahan yang teruk pada makula, suntikan gas ke mata digunakan untuk menggantikan darah. Darah di bahagian makula beracun kepada retina dan boleh mengakibatkan kehilangan penglihatan kekal. Suntikan gas boleh digabungkan dengan ubat khas untuk melarutkan pembekuan darah dan ubat anti-VEGF. Pembedahan akan dilakukan sekiranya pendarahan telah memasuki rongga vitreous. Pembedahan ini membolehkan lebih banyak gas disuntik ke bola mata dan sebahagian pendarahan pada makula dapat dikeluarkan.



AMD Kering

Bagi pesakit AMD kering, terdapat bukti bahawa pengambilan suplemen yang tinggi antioksidan (Vitamin A, C, E, zink) dan karotenoid (beta karoten, lutein, zeaxanthin) dapat mengurangkan risiko mengidap AMD basah. Diet yang tinggi asid lemak omega-3 (minyak ikan), sayur-sayuran dan buah-buahan yang berwarna-warni juga baik. Dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil suplemen dos tinggi kerana sesetengah suplemen mungkin kurang sesuai dengan ubatan lain yang diambil oleh pesakit.

Pesakit AMD kering perlu menjalani pemeriksaan mata setiap tahun untuk pengesanan awal AMD basah. Pesakit juga boleh menggunakan carta grid Amsler di rumah untuk perubahan awal sekiranya ada AMD basah.



Distorsi yang dilihat pada grid Amsler oleh pesakit AMD

Mata Anda – Tingkap Anda Ke Dunia

LINDUNGI MATA ANDA

AMD dapat dikesan melalui pemeriksaan teliti dengan bantuan mesin canggih seperti:

- Optical coherence tomography (OCT)
- Fluorescein Angiography (FFA), atau
- Angiografi Hijau Indocyanine (ICG)

AMD perlu dirawat oleh pakar retina. Terdapat beberapa penyakit lain yang seolah-olah AMD tetapi sebenarnya bukan, dan tidak memerlukan rawatan. Suntikan intra-vitreal yang tidak diperlukan, boleh membahayakan mata anda.



Simulasi Penglihatan Pesakit AMD

Hubungi Kami :

OasisEye Specialists

1800 18 7676

oasiseye.my

linktr.ee/oasiseye



Degenerasi Makula Berkaitan Umur